

24-01-2018

Kepada Para Pihak Yang Berkepentingan,

**Pengumuman Umum tentang Kegiatan Pensijilan Semula RSPO untuk N.Y.Hiew Holdings Sdn. Bhd. – Kilang Kelapa Sawit Pinangah, Semporna, Tawau, Sabah, Malaysia.**

N.Y.Hiew (Holdings) Sdn. Bhd. (Nombor keahlian RSPO 1-0198-16-000-00) telah melantik TUV Rheinland Malaysia (salah satu pejabat audit untuk badan sertifikasi yang berakreditasi, PT TUV Rheinland Indonesia) untuk menjalankan penilaian dan pensijilan semula untuk satu buah kilang minyak kelapa sawit dan ladang milik mereka di Semporna, Sabah, Malaysia berdasarkan kepada Prinsip dan Kriteria Roundtable of Sustainable Palm Oil (RSPO) - Tafsiran Nasional Malaysia (MY-NI). Penilaian akan dilakukan oleh pasukan juruaudit yang berkelayakan untuk menilai kepatuhan perusahaan terhadap aspek-aspek undang-undang, aspek ekonomi, aspek kesihatan & keselamatan dan aspek sosial seperti yang dinyatakan dalam Prinsip & Kriteria RSPO.

N.Y.Hiew (Holdings) Sdn. Bhd. Memiliki 2 (dua) kilang kelapa sawit dan 5 (lima) kebun sawit sekitar rantau Semporna dan Kunak di Sabah.

N.Y.Hiew (Holdings) Sdn. Bhd. mengumumkan bahawa anak syarikat mereka, Kilang Kelapa Sawit Pinangah akan dinilai semula terhadap standard RSPO rangka global. Kumpulan ladang ini terletak di Semporna, Sabah, Malaysia dan terdiri daripada satu kilang kelapa sawit dengan muatan 30 MT / jam pengeluaran tahunan dan purata 34,000 ton minyak kelapa sawit. Tandan buah segar (TBS) dibekalkan ke Kilang Kelapa Sawit Pinangah oleh 2 ladang sawit kepunyaan syarikat yang meliputi kawasan tanah seluas 457.64ha\* dan 140 pekebun kecil bebas. Para pekebun kecil ini tidak termasuk dalam skop penilaian pensijilan ini. Jadual perancangan untuk pensijilan bagi pekebun kecil ini akan diperiksa dan diverifikasi semasa penilaian pensijilan ini.

**Skop penilaian:**

Penilaian pensijilan semula RSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Pinangah dan ladang pembekal buah sawitnya dijadualkan akan dimulai dari 12 – 15 Mac 2018. Penilaian akan dilakukan untuk 1 (satu) kilang kelapa sawit dan 2 (dua) ladang kelapa sawit yang dimiliki perusahaan. Perincian dari kilang kelapa sawit dan ladang yang akan dinilai adalah sebagai berikut:

Kilang kelapa sawit yang termasuk dalam penilaian*:						
Nama Kilang	Kedudukan	Kedudukan GPS		Purata pengeluaran tahunan		Muatan kilang (Ton/jam)
		Latitud	Longitud	CPO (Ton)	PK (Ton)	
Kilang Kelapa Sawit Pinangah	KM 8.8, Semporna-Kunak Highway, off km 15, SPN-TWU Highway, Semporna, Tawau, Sabah, Malaysia	4.490444	118.437306	34,211.78	8107.419	30

Kawasan perladangan yang termasuk dalam penilaian*:						
Nama ladang	Kedudukan	Kedudukan GPS		Ringkasan kawasan		Purata pengeluaran BTS per tahun (ton/tahun)
		Latitud	Longitud	Jumlah (Ha)	Ditanam (ha)	
Ladang Sapang	Semporna-Kunak Highway, off km 15, SPN-TWU Highway, Semporna, Tawau, Sabah, Malaysia	4.624388	118.3209	403.10	400.93	9,072.29
Ladang Pinangah	KM 8.8, Semporna-Kunak Highway, off km 15, SPN-TWU Highway, Semporna, Tawau, Sabah, Malaysia	4.490436	118.43732	54.54	31.41	575.23
JUMLAH				457.64	422.63	9,647.52

\* Semua data ini disediakan oleh organisasi yang akan dinilai dan akan disahkan semasa penilaian di lokasi organisasi.

### Pasukan Juruaudit

TUV Rheinland Malaysia adalah sebahagian daripada TÜV Rheinland Group, sebuah syarikat global khusus dalam bidang perkhidmatan pengujian dan penilaian berkecuali. TUV Rheinland ditubuhkan pada tahun 1872 dan berpengalaman lebih dari 180 tahun dalam memberikan pelbagai jenis pensijilan sebagaimana dan juga perkhidmatan teknikal untuk lebih dari 500 lokasi di 65 negara di seluruh dunia.

Pasukan juruaudit yang akan melakukan penilaian di Kilang Kelapa Sawit Pinangah, terdiri dari:

Juruaudit utama: Carol Ng Siew Theng (Perundangan, Masyarakat Setempat, Pihak Berkepentingan Luar, Sosial, Kebajikan Pekerja)  
Juruaudit: Viknesvaran Paramasivan (Amalan Pertanian Baik, Daya Maju Kewangan, Nilai Konservasi Tinggi, Keselamatan dan Kesihatan Kerja dan Perundangan), Azizan Zakaria (Alam Sekitar, Gas Rumah Kaca Hijau dan Perundangan), dan Yusof Nizar (Keselamatan dan Kesihatan Kerja, Perundangan, Pelatihan)

### Jemputan untuk para pihak yang berkepentingan:

Sebagai sebahagian daripada prosedur pensijilan, kami ingin menjemput para pihak yang berkepentingan untuk mengajukan komen dan maklum balas (jika ada) untuk N.Y.Hiew (Holdings) Sdn. Bhd. – Pinangah Palm Oil Mill yang berkaitan dengan pemenuhan Prinsip dan Kriteria RSPO sesuai dengan Tafsiran Nasional Malaysia (RSPO MY-NI) untuk isu-isu berikut:

- Perlindungan alam sekitar
- Konservasi biodiversiti
- Peluang kerja, perolehan upah yang adil, kerja lebih masa dan hal kerja lain.
- Pendekatan syarikat terhadap pembangunan komuniti
- Pemberian perumahan, sanitasi, kemudahan dan sokongan pendidikan
- Pembangunan masyarakat
- Proses pengambil-alihan tanah
- Persetujuan bebas dengan pemberitahuan terdahulu
- Hal-hal lain perihal RSPO

Komen atau pemerhatian anda boleh dikomunikasikan kepada kami melalui pertemuan ketika pasukan juruaudit melakukan penilaian di lapangan atau komen tertulis boleh dikirimkan melalui email, faks ataupun surat kepada alamat berikut ini. Komen yang dikirimkan dalam 30 hari kerja sejak tarikh pengumuman ini diterbitkan akan dipertimbangkan sebagai input dalam penilaian sertifikasi. Akan tetapi komen anda juga boleh disampaikan pada setiap tahap proses pensijilan. Kecuali di atas permintaan anda, komen ini akan kami rahiaskan dan hanya tersedia untuk TUV Rheinland Malaysia and Dewan RSPO.

### Butiran orang hubungan:

#### Pejabat Pengauditan RSPO:

#### TUV Rheinland Malaysia Sdn. Bhd.

No. 27, Jalan Para U8/103,  
Metropolitan Business Park, Seksyen U8,  
Bukit Jelutong, 40150, Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Orang hubungan: Cik Carol Ng  
(Penolong Pengurus – System Department)  
HP: +6019-3389864  
Tel: +603 78598023 ext. 181  
Faks: +603 78598020/21  
E-mel: [carol.ng@tuv.com](mailto:carol.ng@tuv.com)

#### Badan Pensijilan Bertauliah RSPO

#### PT TUV Rheinland Indonesia

Menara Karya 10th Floor  
Jl. H.R. Rasuna Said Block X-5 Kav 1-2  
Jakarta 12950  
Orang hubungan: Pn. Dian Susanti Soeminta  
(Pengurus Program RSPO)  
Tel : +62 (0)21 – 579 44 579  
Faks : +62 (0)21 – 579 44 575  
E-mel : [Dian.Soeminta@tuv.com](mailto:Dian.Soeminta@tuv.com)  
Laman web: [www.tuv.com](http://www.tuv.com)

### Syarikat yang Diaudit:

#### N.Y.Hiew (Holdings) Sdn. Bhd.,

No.177, Jalan Bilian  
91000 Tawau, Malaysia  
Orang hubungan: Cik Sabarinah binti Batling  
(CSR Coordinator)  
Tel: +6013-8656013  
Email: [sabarinah@nyhiew.com.my](mailto:sabarinah@nyhiew.com.my)



Yang benar,

A handwritten signature in blue ink, appearing to read "Dian S. Soeminta".

Dian S. Soeminta  
Sustainability Assurance  
Pengurus Besar  
(Pengurus Program RSPO)  
PT TUV Rheinland Indonesia